

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Skim Peka B40 masih projek perintis

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Skim Peduli Kesihatan (Peka B40) yang menawarkan perkhidmatan kesihatan terutama kepada mereka daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) masih dalam fasa projek perintis dan belum lagi dilancarkan sepenuhnya.

Menyatakan itu, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pelancaran yang diadakan pada Isnin lalu lebih merupakan sesi pelancaran media bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai serta membolehkan kementerian mengkaji penerimaan rakyat dan pemegang taruh terhadap skim itu.

Katanya, Kementerian Kesihatan mengambil maklum laporan serta maklum balas pelbagai pihak terhadap skim Peka B40 yang mahu memastikan pengendalian dan pelaksanaannya menepati objektif.

"Mulai bulan Februari 2019, kementerian akan mengadakan beberapa siri pertemuan bersama pihak pemegang taruh yang berkenaan untuk membincangkan penglibatan mereka



DZULKEFLY AHMAD

dalam skim ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kata Dr. Dzulkefly, skim Peka B40 adalah percuma kepada penerima kerana dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan, dengan peruntukan sebanyak RM100 juta sebagai permulaan dan dijangka mampu menampung 800,000 orang penerima.

Tambahnya, penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta pasa-

ngannya yang berumur 50 tahun dan ke atas, akan layak menyertai skim itu secara automatik, dan tiada pendaftaran diperlukan.

Pada masa sama, beliau menjelaskan skim itu diuruskan sendiri kementerian melalui ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (PHCorp) iaitu syarikat 100 peratus milik kerajaan dan ditubuhkan sebagai bukan berdasarkan keuntungan di bawah Kementerian Kesihatan.

Katanya lagi, pemilik klinik perubatan am swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan serta memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan dipelawa untuk menyertai skim ini.

Tambahnya, bagi klinik perubatan am swasta, yuran perubatan untuk perkhidmatan perundingan dan pemeriksaan kesihatan telah ditetapkan di bawah Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 atau Akta 586.

**AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Tiada arahan tangguh larangan merokok

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Kementerian Kesihatan menerangkan bahawa sehingga kini tiada sebarang arahan daripada mahkamah bagi memberhentikan atau menangguhkan aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di semua premis makanan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham

Abdullah berkata, apa yang sedang tular melalui pelbagai platform media sosial kepada orang awam yang menyatakan bahawa mahkamah telah merintahkan larangan merokok di tempat makan ditangguhkan adalah mesej tidak benar.

"Adalah diingatkan kepada semua pihak agar terus mem-



NOOR HISHAM

## Tak gentar denda RM10,000

Oleh MUHAMAD IZZAT NASURUDIN  
pernafas@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR JAN.

DENDA tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun bagi mereka yang didapati bersalah dilihat langsung tidak gigantarkan perokok untuk rokok di kawasan larangan.

Walau pun peristiwa larangan rokok

LAPORAN Utusan Malaysia 2 Januari 2019



tuhi Peraturan ini dan kementerian akan terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga Jun 2019.

"Ini akan dilanjut dengan penguatkuasaan sepenuhnya pada Julai 2019," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ketika ini tular kononnya la-

ranjan merokok di tempat ma-

kan yang berkuat kuasa pada 1 Januari lalu ditangguhkan berikutkan sekumpulan perokok berjaya memperolehi kebenaran bagi mencabar larangan tersebut, pada Selasa lalu.

Mahkamah bagaimanapun menolak permohonan untuk menggantung penguatkuasaan larangan itu atas alasan

mahkamah tidak berhak menggantung mana-mana keputusan membatalkan operasi perundangan.

Dr. Noor Hisham berharap semua lapisan masyarakat menerima pelaksanaan larangan merokok itu sebagai langkah positif bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Malaysia.

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : ISU

**LARANGAN MEROKOK  
DI KEDAI MAKAN**

# Tiada arahan mahkamah tangguh, henti

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan menegaskan tiada arahan mahkamah diterima bagi memberhentikan atau menangguhkan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, mengingatkan semua pihak supaya terus mematuhi peraturan.

"Kementerian Kementerian akan terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga Jun depan, disusuli penguatkuasaan se-penuhnya pada Julai ini.

"Pelaksanaan larangan merokok di tempat makan dibuat selaras komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) dalam melindungi orang awam terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap produk tembakau dan rokok," katanya dalam satu ke-nyataan, semalam.

+ **Mesej palsu**  
Beliau mengulas mesej palsu yang tular di media sosial mendakwa mahkamah memerintahkan larangan merokok di tempat makan ditangguhkan.

Dr Noor Hisham berkata, semua lapisan masyarakat perlu menerima pelaksanaan larangan merokok sebagai langkah positif ke arah meningkatkan tahap kesihatan.

**AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : ISU**

## PeKa B40 masih dalam peringkat perintis: Menteri

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan menjelaskan Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) masih pada peringkat projek perintis dan belum lagi dilancarkan sepenuhnya.

Meniti Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata majlis yang diadakan pada 28 Januari lalu adalah sesi pelancaran media yang berjujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap skim berkenaan.

Katanya, pada fasa ini, ia juga membuka ruang untuk kementeriannya mengkaji penerimaan rakyat serta pemegang taruh lain terhadap skim itu.

"Pembabitan dan sokongan se-  
tiap pemegang taruh adalah amat penting bagi memastikan kejayaan skim PeKa B40, iaitu satu inisiatif yang memberi fokus kepada jalinan kerjasama awam-swasta melalui pembiayaan daripada dana kerajaan," katanya dalam kenyataan bagi mengulas laporan dan

maklumat balas pelbagai pihak terhadap skim itu.

Beliau berkata, bagi fasa projek perintis skim PeKa B40, pemegang taruh swasta yang akan terobit dalam proses pemberian manfaat saringan kesihatan kepada pesakit adalah pemilik klinik perubatan am swasta dan syarikat makmal perubatan swasta.

Katanya, selari dengan matlamatnya untuk memperkasakan perkhidmatan kesihatan primer di negara ini, skim PeKa B40 secara langsung akan mempertingkatkan kerjasama antara pengamal perubatan di klinik perubatan am swasta dengan pengamal perubatan di fasiliti perubatan kerajaan.

"Pengamal perubatan am swasta memainkan peranan yang amat penting dalam usaha kerajaan merangi penyakit tidak berjangkit di kalangan penduduk di Malaysia.

"Sehubungan itu, pemilik klinik perubatan am swasta yang berda-



Dr Dzulkefly Ahmad

tar dengan Kementerian Kesihatan serta memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan dipelawa untuk menyertai skim ini," katanya.

### Syarikat ditubuh

Dr Dzulkefly berkata, Skim PeKa B40 duruskan sendiri oleh kementeriannya melalui ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (PHCorp), sebuah syarikat 100 peratus milik kerajaan dan telah ditubuhkan se-

bagai syarikat yang tidak berasaskan keuntungan di bawah Kementerian Kesihatan.

"PHCorp bukan sebuah Managed Care Organisation (MCO) atau Third Party Administrator (TPA). Penubuhannya bagi meluaskan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dengan mengoptimumkan penggunaan ekosistem pembekal kesihatan awam dan swasta sedia ada," katanya.

Beliau turut menjelaskan bagi klinik perubatan am swasta, fi perubatan untuk perkhidmatan perundingan dan pemeriksaan kesihatan ditetapkan di bawah Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Per-gigian Swasta) 2006.

"Kadar bayaran yang akan ditawarkan kepada pengamal perubatan am swasta yang memberi-

kan perkhidmatan kepada pesakit skim PeKa B40 akan berlandaskan ketetapan jadual fi itu.

"Bagi makmal perubatan swasta pula, penyertaan dalam skim ini adalah terbuka kepada semua syarikat makmal perubatan swasta yang berminat, tertakluk kepada syarat bahawa makmal syarikat itu meneputi kriteria kualiti yang ditetapkan dan syarikat berkenaan bersetuju menerima harga ditawarkan Kementerian Kesihatan melalui PHCorp.

"Setakat ini, enam syarikat makmal perubatan swasta sudah lulus proses pemilihan dan berdaftar dengan PHCorp. Pegawai perubatan di klinik perubatan am swasta yang terbabit dalam skim PeKa B40 bebas untuk memilih antara mana-mana syarikat makmal perubatan swasta yang berdaftar dengan PHCorp untuk menghantar sampel ujian makmal pesakit mereka," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 2**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## Skim Peka B40 masih projek perintis

**KUALA LUMPUR** - Skim Peduli Kesihatan (Peka B40) yang menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah berusia 50 ke atas masih dalam projek perintis dan belum lagi dilancarkan sepenuhnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pelancaran 28 Januari lepas merupakan sesi pelancaran media bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap skim itu.

"Kementerian Kesihatan buat masa ini mahu mengkaji penerimaan rakyat serta pemegang taruh lain terhadap skim ini. Penglibatan dan

sokongan setiap pemegang taruh adalah amat penting bagi memastikan kejayaan skim PeKa B40, iaitu satu inisiatif yang memberi fokus kepada jalinan kerjasama awam - swasta melalui pembiayaan daripada dana kerajaan," katanya, semalam.

Peka B40 yang dibayai sepenuhnya kerajaan dengan peruntukan permulaan RM100 juta dijangka mampu memanfaatkan 800,000 penerima.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta pasangan-nya yang berumur 50 tahun ke atas, layak serta skim secara automatik dan tidak perlu denda.

Dr Dzulkefly berkata, bagi fasa projek perintis Skim Peka B40, pemegang taruh swasta yang akan terbabit dalam proses pemberian manfaat saringan kesihatan kepada pesakit adalah pemilik klinik perubatan am swasta dan syarikat makmal perubatan swasta.

"Selari dengan matlamat memperkasakan perkhidmatan kesihatan primer di negara ini, Skim Peka B40 secara langsung akan mempertingkat kerjasama antara pengamal perubatan di klinik perubatan am swasta dengan pengamal perubatan di fasiliti perubatan kerajaan," katanya. - Bernama

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## Tiada arahan tangguh larangan merokok

**AUTA**

KETIKA ini tular kononnya larangan merokok di tempat makan yang berkuat kuasa pada 1 Januari lalu ditangguhkan berikutan sekumpulan perokok berjaya memperoleh kebenaran bagi mencabar larangan tersebut pada Selasa lalu.

Mahkamah bagaimanapun menolak permohonan untuk menggantung penguatkuasaan larangan itu atas alasan mahkamah tidak berhak menggantung mana-mana keputusan membabitkan operasi perundangan.

Mesej itu turut memaparkan barisan peguam yang didakwa berjaya mendapat penangguhan larangan merokok itu.

**FAKTA**

KEMENTERIAN RAN Kesihatan me-

negaskan, tiada arahan mahkamah diterima bagi memberhentikan atau menangguhkan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengingatkan semua pihak supaya terus mematuhi peraturan.

"Kementerian Kementerian akan terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga Jun depan, disusuli penguatkuasaan sepenuhnya pada Julai ini," katanya.

Noor Hisham berkata, semua lapisan masyarakat perlu menerima pelaksanaan larangan merokok sebagai langkah

\*BERITA TERKINI\*

Mahkamah telah memerintahkan larangan merokok di kedai2 restoran2 ditangguh. Ini bermakna perokok2 boleh kembang peros sambil menghenteh dan berbicang-bincang di kedai2 tanpa kesalahan. Maaf merokoklah dgn penuh tanggungjawab & tanpa kasih.

Pic Barisan peguam yang melela perokok2, ingatlah merokok bukan satu jenayah, jika tak kasih makan, maka haramkan sahaja rokok dari negara.

\*#BersamaBersatu\*

**Kementerian Kesihatan menafikan larangan merokok ditangguhkan.**

"Tahniah Tuan Haniff Khatri lawyer Bersatu & lawyer Tun M kerana dapat perintah mahkamah utk menangguhkan perintah larangan merokok di premis makanan," kata mesej yang tular itu.

positif ke arah meningkatkan tahap kesihatan.

"Ini juga dapat membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, selaras hasrat kerajaan mencapai matlamat negara yang bebas daripada amalan merokok," katanya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menegaskan larangan merokok di tempat makan bukan bersifat bermusim seperti dibimbangi orang ramai di media sosial.

Penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan yang berkuat kuasa sejak 1 Januari lalu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan menjadikan rakyat di Malaysia sebagai masyarakat maju yang bertamadun menjelang 2020.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : SEMASA

## PeKa B40 projek perintis

KUALA LUMPUR - Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) masih dalam fasa perintis dan belum lagi dilancarkan sepenuhnya, demikian menurut Kementerian Kesihatan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pelancaran yang diadakan pada 28 Januari lepas merupakan sesi pelancaran media yang bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap skim PeKa B40.

"Kementerian buat masa ini mahu mengkaji penerimaan rakyat serta pemegang taruh lain terhadap skim ini. Penglibatan mereka amat penting bagi memastikan kejayaan skim PeKa B40," katanya dalam satu kenyataan semalam.

PeKa B40 yang dibayai sepenuhnya kerajaan dengan peruntukan permulaan RM100 juta dijangka mampu memanfaatkan 800,000 penerima.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta pasangannya yang berumur 50 tahun ke atas, layak menyertai skim itu secara automatik dan tiada pendaftaran diperlukan.  
- Bernama